

16 Julai, 1981

Demi kemakmuran negara

Mahathir minta kerjasama akhbar

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri U. Mahathir Mohamad yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri mulai 11 pagi ini menggesa semua pihak akhbar bekerjasama dengan beliau memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara ini.

Beliau menegaskan, sekarang ini beliau tidak ada tempat mengadu dan bergantung, tetapi semua yang dibuat atau dilaksanakan terpaksa diperhitungkan sendiri.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

"Kini segala beban yang saya hadapi terpaksa dipikul kerana saya tidak mempunyai sesiapa pun untuk merujuk atau berunding," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan 'selamat berpisah' kepada Tun Hussein Onn di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata meskipun beliau menganggap tanggungjawab yang dipikul sekarang sebagai 'beban besar' namun dengan adanya kerjasama pihak akhbar ia akan dapat meringankan beban tersebut.

Sebelum itu, Tun Hussein telah menyerahkan tugas Perdana Menteri kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dan mengucapkan selamat berpisah kepada kakitangannya dan lain-lain kakitangan jabatan itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir mensifatkan anugerah Tun yang diberi kepada Datuk Hussein satu penghargaan negara bagi perkhidmatan beliau kepada negara.